



**Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyerahkan sumbangan Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera kepada usahawan Empower ECER Mahkota, Musarizal Mustafa sambil disaksikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob (tiga dari kiri), Jebasingam Issace John (kanan) dan Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim di Pekan.**

BERITA HARIAN (NASIONAL) 25 APRIL 2016 M/S 25

# Empower ECER Mahkota berjaya

» Program pertingkat akademik, kurangkan jurang ekonomi

Oleh Shahrinnahar Latib  
bhnews@bh.com.my

■ Kuantan

**P**rogram Empower ECER Mahkota yang genap enam tahun pelaksanaannya membuah hasil membanggakan apabila berjaya meningkatkan akademik pelajar dan membantu mengurangkan jurang ekonomi masyarakat bandar serta luar bandar.

Kerjasama strategik antara Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) itu merekodkan pelbagai kejayaan termasuk pelaksanaan Kursus Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) yang ditawarkan sejak tahun 2014.

Sehingga kini, seramai 150 orang peserta sudah menamatkan kursus terbabit dan 25 peserta Kursus OSH Siri 1 memperoleh penempatan pekerjaan dalam pelbagai sektor industri seperti industri minyak dan gas, pembinaan, per-

kilangan serta perkhidmatan.

Seorang bekas peserta, Idi Rozaidi Yaakub, 32, berkata beliau berterima kasih kepada pihak ECERDC dan UMP kerana memberi peluang kepadanya mengikuti kursus dalam bidang minyak dan gas yang membolehkannya menerima gaji tidak kurang daripada lima angka dengan bekerja di sebuah syarikat di Wilayah Persekutuan Labuan.

## Syor tambah program kemahiran tinggi

“Saya harap Program Empower ECER Mahkota lebih berjaya dan dapat menambah program berkemahiran tinggi lain yang mampu memberikan manfaat kepada lebih ramai individu dalam menghadapi ekonomi yang serba mencabar sekarang,” katanya.

Nurul Aziemah Ismail, 25, pula berkata, dia bersyukur kerana terpilih menjalani kursus OSH yang sebelum ini dimonopoli golongan lelaki dan membolehkannya mendapat kerja sebagai penyelia tapak projek Mass Rapid Transit (MRT).

Sementara itu, Pengurus Projek Program Empower ECER Mahkota, Zainal Bahari berkata, pada masa ini seramai 125 peserta sedang menjalani kursus terbabit di Kuantan, Pekan dan Bentong di Pahang serta dan Kerteh dan Kemaman di Terengganu.

“Kursus itu berbeza daripada program khidmat komuniti yang lain kerana ia tidak hanya menekankan latihan kursus kemahiran saja tetapi peserta turut dibekalkan latihan pembangunan sahsiah supaya lepasan Program Empower ECER Mahkota berkemahiran tinggi dan lebih berdaya saing serta berke-terampilan profesional,” katanya.

Zainal berkata, selain kursus OSH, latihan kemahiran akademik adalah antara program berjaya membantu pelajar luar bandar dan kurang berkemampuan mendapat keputusan cemerlang.

“Sebanyak 30 sekolah terpilih membabitkan 1,120 pelajar layak mengikuti program dirancang di bawah pelaksanaan Latihan Kemahiran Akademik pada tahun ini,” katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC, Datuk Seri Jebasingam Issace John pula, berkata Program Empower ECER Mahkota dilaksanakan sejak enam tahun lalu untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk bagi merapatkan jurang perbezaan ekonomi masyarakat luar bandar serta bandar.

“Sehingga kini, lebih 50,000 peserta dari seluruh ECER mendapat manfaat daripadanya termasuk 8,035 peserta dilahirkan daripada kursus latihan kemahiran dan keusahawanan di Pahang,” katanya.